

## Petikan Kuntum-Kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada siapa yang meminatinya, silalah pula menyuntingnya.

### Kata-kata Perumpamaan Di Dalam al-Qur'ān.

#### 1. Mengenai orang-orang munafik.

“Dimisalkan mereka itu seperti orang yang menyalakan api, tatkala bercahaya (terang) disekelilingnya, Allah hilangkan cahaya itu dan ditinggalkan-Nya mereka dalam gelap gelita tidak melihat suatu apa pun. Mereka itu tuli, bisu dan buta, sedang mereka tiada juga kembali kepada kebenaran (untuk bertaubat). Atau dimisalkan mereka itu seperti air hujan yang turun dari langit dalam gelap gelita ada pula guruh dan kilat. Mereka masukkan anak jari mereka ke telinga mereka bila mendengar halilintar kerana takutkan mati. Allah meliputi pengetahuan-Nya terhadap orang-orang yang kufur. Hampir kilat menyambar pemandangan mereka. Tiap-tiap kali kilat itu bercahaya (terang), mereka berjalan dalam cahayanya. Jika dikehendaki Allah nescaya dihilangkan-Nya pendengaran dan pemandangan mereka. Sesungguhnya Allah berkuasa di atas segala sesuatu”. (Ayat 17 hingga 20 Surah al-Baqarah).

#### 2. Mengenai orang yang membelanjakan hartanya.

“Hai orang yang beriman! Janganlah kamu batalkan sedekah kamu itu dengan bangkitan dan menyakiti, seperti orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak (menunjuk-nunjuk) kepada manusia dan tidak percaya kepada Allah dan Hari Kemudian. Maka umpama orang itu seperti batu yang licin bertanah di atasnya, apabila batu itu ditimpa hujan lebat, tinggallah ia menjadi licin (tak ada apa-apanya). Tiada

mereka itu mendapat pahala dari usaha yang mereka kerjakan itu. Allah tiada menunjukki orang yang kafir. Dan dimisalkan orang-orang yang membelanjakan harta mereka kerana mengharapkan keredaan Allah dan menetapkan (keimanan) di hati mereka, seperti sebidang kebun terletak pada tanah dataran tinggi ditimpa pula oleh hujan lebat, maka buahnya dua kali lipat banyaknya. Maka apabila tidak ditimpa hujan yang lebat memadalah juga dengan hujan yang sedikit. Allah melihat apa-apa yang kamu kerjakan. Adakah seseorang daripada kamu suka mempunyai sebidang kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahan sungai-sungai, di dalam kebun tumbuh pula berjenis-jenis buah-buahan, hal keadaan orang yang empunya itu berumur tua dan mempunyai anak-anak yang lemah lalu kebun itu ditiup oleh angin ribut yang berapi sehingga terbakar? Demikianlah Allah menyatakan tanda-tanda kekuasaan-Nya kepada kamu supaya kamu fikirkan”. (ayat 264 hingga 266 surah al-Baqarah).

\* \* \*

### Kata-kata Tuhan Dalam Hadith Qudsi.

#### 1. Hadith qudsi riwayat al-Bayhaqi dari

al-Hasan mengatakan: bahawa Nabi (S.A.W) menyebutkan firman Allah:

*“Thalāthun, man ḥāfaẓa ‘alayhinna kāna waliyyi haqqan.*

*Wa man dhayya ‘ahunna kāna ‘aduwwī haqqan: al-ṣalātu wa al-ṣawmi wa al-ghusli mina al-janābah.”*

Ertinya: “Ada tiga perkara, sesiapa yang memelihara

ke tiga-tiganya nescaya menjadilah ia kekasih-Ku yang sebenar-sebenarnya, dan sesiapa yang menghilangkan (mencuaikannya) nescaya menjadilah ia musuh-Ku yang sebenar-benarnya: 1. Sembahyang, 2. Puasa, 3. Mandi mengangkat janabah.”

Maksudnya: Allah berjanji akan memelihara orang yang memelihara (mengerjakan) tiga perkara di atas. Sembahyang dan puasa adalah menjadi rukun Islam (tiang agama-Nya), sedang mengangkat janabah itu ialah bersuci membersihkan diri disebabkan bersetubuh atau keluar mani, maka dilarang mengerjakan sembahyang sebelum bersuci.

Sebaliknya Allah menganggap orang yang meninggalkan ke tiga-tiga perkara tersebut sebagai musuhnya yang sebenar-benarnya sehingga terkeluarlah ia dari kalangan Islam dan muslimin.

2. Hadith qudsi riwayat Ahmad dan al-Ṭabrānī dari Waqīd al-Laythi: Bahawa Nabi (S.A.W) menyebutkan firman Allah:

*“Innā anzalnā al-māla li iqāmati al-ṣalāh wa tūāi al-zakāh. Wa lau kāna li ibni ādama wādin la aḥabba an yakūna lahu thānin, wa lau kāna lahū wādiyāni la aḥabba an yakūna lahumā thalithun, wa lā yamla ‘u jaufa ibni ādama illā al-turāba, thumma yatūbu Allāhu ‘alā man tāba.*

Ertinya: “Sesungguhnya kami menurunkan harta untuk mendirikan sembahyang dan membahagi-bahagikan zakat. Kalaulah sekiranya anak Adam itu mempunyai sebuah lembah (yang penuh berisi emas dan perak) nescaya dia ingin hendak mempunyai dua. Dan kalaulah dia mempunyai dua buah lembah nescaya dia ingin hendak mempunyai tiga. Dan tak ada yang mengisi tembolok anak Adam sepenuhnya hanyalah tanah sahaja. Kemudian Allah akan mengampunkan orang yang telah bertaubat.”

Maksudnya: Tujuan Allah mengurniakan harta kekayaan kepada hamba-hamba-Nya itu ialah supaya mereka gunakan untuk menegakkan syiar agama Allah seperti mendirikan sembahyang, membahagi-bahagikan zakat kepada orang-orang miskin dan yang berhak menerima zakat tersebut dan juga untuk bermacam-macam kebajikan yang lain. Bukanlah kekayaan itu gunanya supaya mereka sesiakan atau dibelanjakan pada yang bukan tempatnya dan pada maksiat. Oleh kerana anak Adam (manusia) itu tabiatnya sangat menyukai harta, maka tak ada puas-puasnya mengumpul harta. Allah menyingkapkan rahsia keinginan manusia itu iaitu; kalau manusia itu mempunyai kekayaan sepenuh satu lembah – dia belum puas – bahkan dia mahu dua lembah, dan kalau dia mempunyai dua lembah – dia pun masih belum puasa lagi – dia mahu tiga lembah, dan begitulah seterusnya dia mahu lagi, sampailah temboloknya diisi penuh-penuh dengan tanah (iaitu mati) baharulah dia puas, dan baharulah dia berhenti. Bila mati kembalilah ia kepada Allah. Allah bersifat Pengampun lagi Penyayang, diampuni-Nya orang yang meminta ampun dan yang bertaubat.

\* \* \*

### **Bolehkah Tuan Menjadi Saya?**

Ada seorang dusun datang menghadap Ḥajjāj Bin Yūsuf al-Thaqafī (salah seorang pegawai kerajaan Banī Umayyah yang sangat kejam). Didapatinya Ḥajjāj sedang makan tengah hari. Ḥajjāj memanggil orang dusun tersebut dan berkata kepadanya: “Marilah wahai saudaraku sama-sama kita makan dan minum dahulu, dan nanti baharulah kami perlindungi engkau.” Orang dusun itu menjawab: “Saya tak sanggup”.

Ḥajjāj kehairanan lalu berkata: “Adakah patut

(sambungan ke muka 28)

seberapa daya mengikut kadar yang ditakutkannya itu. Kerana kaedah syarak menetapkan *an dara'a al-mafāsīd muqaddam 'alā jalb al-maṣāliḥ* ertinya: “Bahawa menolak bencana itu mesti didahulukan dari menarik perkara yang mendatangkan faedah.”

Dengan alasan ini, jika dibolehkan melantik mereka kerana takutkan mudarat, maka akan lebih utama lagi dibolehkan yang demikian itu oleh sebab-sebab yang mendatangkan faedah bagi orang Islam. Jadi tidak berhalangan kerajaan Islam mengadakan periklanan<sup>2</sup> dengan kerajaan yang bukan Islam untuk faedah yang kembalinya kepada keutamaan sama ada untuk menolak yang mudarat atau menarik yang manfaat. Tetapi perlantikan itu tak bolehlah diadakan jika mendatangkan mudarat kepada orang Islam. Perlantikan yang demikian bukanlah terbatas pada masa keadaan orang Islam lemah, bahkan dibolehkan dalam sebarang masa.

Para ulama telah mengambil *istinbāṭ* dari ayat ini iaitu; dibolehkan berlaku takut umpamanya seseorang yang berkata atau berbuat yang berlawanan dengan yang sebenarnya (yang hak) dengan maksud menjauhi bencana musuh yang akan membawa kepada hilangnya nyawa, kehormatan dan harta benda. Kalaulah seseorang itu melafazkan kata-kata kufur kerana terpaksa mengelakkan dari dibunuh sedang hatinya tenteram dengan keimanan tiadalah ia menjadi kafir, bahkan dimaafkan – sebagai yang berlaku kepada ‘Ammār Bin Yāsir ketika dipaksa oleh orang Quraish Mekah supaya kufur maka ia telah lakukan dengan terpaksa sedang hatinya penuh dengan keimanan.

Hal ini merupakan suatu keizinan (*rukhsah*) kerana adanya darurat yang mendatang, bukanlah merupakan dasar agama yang akan diikuti selama-lamanya.

*Wa yuḥadhdhrikumu Allāhu nafsahū wa ilā Allāhi al-maṣīr* yang ertinya

“Allah mempertakuti kamu dengan diri-Nya, dan kepada Allah tempat kembali.”

Yakni: Allah mempertakuti kamu dengan diri-Nya – iaitu penyeksanya ke atas orang yang melantik orang kafir dan ke atas orang yang melanggar larangan atau menyalahi perkara-perkara yang diperintahkan. Dan kepada Allah tempat kembalinya semua makhluk yang akan dibalas semua amalannya.

Sekian, kami tidak memberi ulasan.

(sambungan daripada muka 25)

Aku menjemput engkau menikmati hidanganku tetapi engkau telah menolak jemputanku?”

Jawab orang dusun itu pula: “Saya telah dijemput oleh orang yang lebih mulia dari tuan.”

Ḥajjāj tersinggung dan dia marah: “Siapa orangnya yang engkau katakan lebih mulia itu?”

Orang dusun itu menjawab dengan tenang: “Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā*, saya ini berpuasa.”

Ḥajjāj takjub lalu berkata: “Buka puasa mu sekarang dan puasalah besok.”

Orang dusun itu membalas: “Bolehkah tuan menjamin saya akan hidup esok?”

Ḥajjāj menjawab: “Tidak”.

Kata orang dusun itu pula: “Jadi biarkanlah saya sempurnakan puasa saya hingga ke petang untuk berbakti kepada Tuhan.”

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya ialah perikatan